

Presiden BERSATU dicabar kemuka bukti atau disaman

Kuala Lumpur: Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin dicabar mengemukakan bukti, surat pembatalan cukai kepada Yayasan Albukhary yang didakwa dikeluarkan Pengerusi DAP, Lim Guan Eng atau berdepan tindakan saman fitnah.

Guan Eng berkata, Muhyiddin perlu meminta peguamnya untuk menasihati beliau dengan betul bagi mengelakkan bekas Perdana Menteri itu berdepan prosiding sivil yang tidak perlu.

Katanya, Muhyiddin juga perlu menukar peguam yang memberi nasihat bahawa Menteri Kewangan bertanggungjawab secara peribadi bagi sebarang keputusan yang diambil oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) terhadap mana-mana pembayar cukai, walaupun tiada arahan spesifik dikeluarkan atau diterima oleh menteri

“Ini adalah dakwaan yang serius bahawa saya bertindak terhadap sebuah yayasan kebajikan Islam. Ia adalah bersifat menghasut kerana dakwaan berkenaan adalah tidak berasas.

“Sekiranya tidak disangkal dengan bersungguh-sungguh, kenyataan berbaur hasutan sebegini boleh menyemarakkan sentimen yang menjejaskan muhibah kaum dan mengancam keharmonian agama,” katanya dalam kenyataan semalam.

Tambahnya, dengan ketiadaan arahan khusus, bagaimanapun seorang menteri boleh bertanggungjawab bagi setiap tindakan yang diambil oleh pelbagai agensi dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di bawah bidang kuasanya.

Katanya, jika itulah senarinya, maka sebagai Perdana Menteri terdahulu, Muhyiddin perlu bertanggungjawab terhadap setiap perbuatan rasuah oleh pegawai kerajaan di negara ini.

“Oleh kerana jelas tiada surat pembatalan sedemikian, beliau harus memohon maaf dan menarik balik kenyataan palsu atau berdepan tindakan memfitnah yang memerlukan Muhyiddin untuk bukan sahaja melakukan perkara sama, tetapi juga membayar ganti rugi.

“Muhyiddin mempunyai masa sehingga Rabu ini untuk memutuskan sama ada beliau mahu menghadapi prosiding mahkamah tambahan, selain pertuduhan rasuah yang kini dihadapinya,” katanya.

Sebelum ini, Guan Eng menafikan mengeluarkan arahan spesifik membatalkan pengecualian cukai diberikan kerajaan Barisan Nasional kepada Yayasan Albukhary dinaungi Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary.